

## Kajian terhadap Potensi Program *Busking* oleh Pelajar UPSI di Gerbang Seni, Lorong Mural, Tanjung Malim sebagai Aktiviti Pengayaan bagi Mengembangkan Kemahiran Persembahan Muzik Berdasarkan Pendekatan Kontekstual

Husnil Amin Zakaria<sup>1</sup> & Zaharul Lailiddin Saidon<sup>2</sup>  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
emel: husnilamin@gmail.com<sup>1</sup>, zaharul@fmosp.upsi.edu.my<sup>2</sup>

Diterbitkan dalam talian: 30 Jun 2021

**Cite this article (APA):** Zakaria, H. A., & Saidon, Z. L. (2021). Kajian terhadap Potensi Program Busking oleh Pelajar UPSI di Gerbang Seni, Lorong Mural, Tanjung Malim sebagai Aktiviti Pengayaan bagi Mengembangkan Kemahiran Persembahan Muzik Berdasarkan Pendekatan. *Jurai Sembah*, 2(1), 28-39. <https://doi.org/10.37134/juraisembah.vol2.1.4.2021>

### Abstrak

*Busking* merupakan persembahan jalanan yang berfungsi sebagai sumber menjana pendapatan dengan menghiburkan orang awam di sesuatu tempat. Disebalik pelbagai kajian yang dijalankan terhadap *busking*, terlalu sedikit yang meninjau fungsinya sebagai medium dalam pendidikan. Artikel ini adalah berdasarkan kepada satu kajian yang telah dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji potensi *busking* sebagai aktiviti pengayaan bagi mengembangkan kemahiran persembahan muzik berdasarkan pendekatan kontekstual. Pendekatan kualitatif digunakan dengan kaedah pengumpulan data melalui pemerhatian, temu bual pra dan pasca-*busking*, temu bual kumpulan fokus serta nota lapangan. Artikel ini berfokus kepada mengenal pasti kemahiran persembahan muzik yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti *busking*. Untuk tujuan ini, data dipungut dengan membuat temu bual subjek dan informan serta membuat pemerhatian terhadap sekumpulan *buskers*. Subjek kajian terdiri daripada empat orang pelajar diploma Kursus Aplikasi Muzik manakala empat orang informan pula terdiri daripada tenaga pengajar Kursus Aplikasi Muzik. Analisis terhadap data yang diperolehi menunjukkan bahawa aktiviti *busking* dapat memperkembangkan pelbagai kemahiran persembahan merangkumi aspek muzikal dan bukan muzikal. Kemahiran persembahan muzik dalam aspek muzikal yang dapat diperkembangkan ialah kemahiran bermain, penguasaan kualiti ton, penguasaan genre lagu, penguasaan stail lagu, ekspresi, kreativiti, adaptasi dan interpretasi. Manakala perkembangan kemahiran persembahan muzik dari aspek bukan muzikal pula ialah pengurusan persembahan, komunikasi, persona diri, kerjasama dan kawalan mental.

**Kata kunci:** *busking*, kemahiran persembahan muzik, kemahiran muzikal, kemahiran bukan muzikal

### Abstract

Busking is a street performance that serves as a source of income by entertaining the public at a particular location. Despite the various studies conducted on busking, few are reviewing its function as a medium in education. This article is based on an a study with the aim of studying the potential of busking as an enrichment activity to develop music performance skills based on a contextual approach. A qualitative approach is used with data collection methods through observations, pre and post-busking interviews, focus group interviews as well as field notes. This article focuses on identifying music performance skills that can be developed through busking activities. For this purpose, data were collected by conducting interviewing subjects and informants as well as making observations on a group of buskers. The subjects of the study consisted of four diploma students of the Applied Music Course while the informants consisted of instructors of the Applied Music Course. Analysis of the data obtained shows that busking activities can develop various performance skills including musical and non-musical aspects. The development of musical performance skills in the musical aspect are playing skills, mastery of tone quality, mastery of song genre, mastery of song style, expression, creativity, adaptation and interpretation. While the development of music performance skills from the non-musical aspects are performance management, communication, personality, cooperation and mental control.

**Keywords:** busking, music performance skills, musical, non-musical

## Pengenalan

Persembahan merupakan satu seni yang mempunyai skop yang sangat luas. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), persembahan bermaksud hadiah kepada raja atau orang-orang yang lebih tinggi martabatnya atau sesuatu yang dipertunjukkan seperti pementasan, filem dan lain-lain. Hal ini memberi makna bahawa aktiviti persembahan ini telah lama wujud sejak berzaman lagi, bermula persembahan yang dipertunjukkan kepada golongan atasan sehinggalah kepada golongan bawahan. Umum mengetahui bahawa fungsi persembahan adalah bertujuan sebagai satu bentuk hiburan tanpa mengira umur, latar belakang mahupun jantina. Hal ini kerana persembahan dan hiburan adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan.

Thomas et al. (2011) menjelaskan bahawa aktiviti persembahan yang tertua merupakan persembahan nyanyian secara solo. Aktiviti persembahan ini berkembang sehingga muncul pemuzik-pemuzik berbakat dan seterusnya terbentuk ensemble muzik. Persembahan orkestra pertama dalam sejarah dunia dipertontonkan pada awal abad ke-17. Penampilan orkestra pertama itu dipersembahkan pada tahun 1615, menampilkan persembahan muzik karya Giovanni Gabrieli: *Sacrae Symphoniae*. Perkara ini memberi gambaran bahawa nyanyian merupakan asas kepada persembahan muzik dan kemuncaknya ialah persembahan orkestra.

Sehingga kini, persembahan muzik berkembang pesat dari semasa ke semasa. Persembahan muzik sekarang boleh dilihat dimana sahaja bermula dari majlis makan malam keluarga, perayaan, ritual, sehingga persembahan besar seperti konsert (Ramnarine, 2013). Para pengkaji yang terdiri dari ahli akademik hinggalah para penggiat seni masing-masing bertungkus lumus ingin mengembangkan lagi aktiviti persembahan terutamanya persembahan dalam bidang muzik. Gordon (2005) menegaskan bahawa setiap pemuzik harus mempunyai ilmu dan matlamat yang jelas sebelum membuat apa-apa persembahan. Dalam usaha untuk memajukan bidang seni ini, banyak perkara yang perlu dikuasai agar persembahan dapat dipamerkan dengan kualiti yang baik. Oleh sebab itu, pendidikan merupakan cara yang paling ampuh untuk mengekalkan dan membawa perkembangan yang positif kepada dunia persembahan terutamanya dunia persembahan muzik.

Pendidikan menyediakan ilmu dan kemahiran yang perlu dikuasai untuk menjadi pemuzik yang mahir dalam persembahan. Menjadi seorang pemuzik yang hebat haruslah memiliki ilmu yang mantap dan berkemahiran dalam selok belok persembahan. Klickstein (2009) mengatakan bahawa persembahan muzik bukan sekadar bermain muzik, ianya lebih daripada itu. Oleh yang demikian, pengetahuan tentang kemahiran persembahan muzik seharusnya dikuasai oleh semua pemuzik bermula dari penyanyi yang berdiri di ruang paling hadapan pentas hinggalah kepada pemain dram yang duduk di posisi belakang orkestra. Perkara ini tidak boleh dipandang ringan bagi memastikan persembahan dapat berkembang dengan baik dan positif.

Hal ini memberi gambaran bahawa tugas dan peranan pendidik khususnya dalam bidang pendidikan muzik amatlah penting sebagai usaha untuk mengembangkan lagi ilmu dan kemahiran persembahan muzik seiring dengan pesatnya perkembangan kaedah pengajaran dan pembelajaran muzik di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, setiap negara itu memiliki kaedah yang berbeza dalam pengajaran dan pembelajaran muzik. Garnett (2013) mengatakan bahawa terdapat perbezaan antara belajar untuk membuat persembahan dengan alat muzik atau suara dengan belajar muzik. Perbezaan ini dapat dilihat dalam proses pengajaran dan pembelajaran muzik di serata dunia.

Oleh hal yang demikian, peranan guru sangat penting dalam usaha untuk mengembangkan kualiti pengajaran dan pembelajaran muzik. Seseorang guru muzik yang berjaya tidak hanya pandai dan menguasai kemahiran *conducting* dan membuat persembahan. Mereka juga perlu mempertimbangkan dan sensitif dengan isu yang berkaitan dengan pelajar sama ada yang berkaitan dengan sosial dan juga budaya (Kelly, 2015). Hal ini memberi gambaran bahawa tugas seseorang pengajar muzik bukan sahaja untuk mengajar pelajar kemahiran muzik. Sebaliknya, seseorang pengajar muzik perlu peka dengan keadaan persekitaran pelajar. Oleh sebab itu, adalah penting bagi seorang guru untuk mempertimbangkan segala isu yang berlaku berkaitan dengan pelajar agar dapat membentuk satu pengajaran dan pembelajaran muzik yang bersifat seimbang.

Penulisan Kelly (2015) seolah-olah memberi isyarat bahawa dalam usaha mengembangkan lagi kualiti dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran, pendidik haruslah peka terhadap sosial dan budaya pelajar. Dalam lain perkataan, pendidik seharusnya menerapkan pengajaran yang mengikut konteks kehidupan sebenar pelajar. Dengan demikian, kajian ini menggunakan teori pendekatan kontekstual yang membawa maksud pendekatan yang menghubungkan kandungan pelajaran dengan konteks situasi kehidupan yang sebenar. Pengajaran kontekstual ini juga merupakan satu proses yang dibina atas kesedaran

bahawa sesetengah pelajar belajar dengan lebih efektif apabila mereka di ajar dengan teknik *hands-on*, iaitu dengan konteks dunia sebenar dan bukan melalui kaedah abstrak (Baker et al., 2009).

Di sini timbul aktiviti *busking* yang merupakan situasi sebenar dan menjadi budaya kehidupan para pelajar muzik yang mahukan bakat dan minat mereka terhadap muzik dapat dipertontonkan di khalayak ramai. Perkataan *busking* merupakan kata pinjaman yang dipinjam daripada perkataan Bahasa Inggeris yang membawa maksud aktiviti persembahan yang dilakukan oleh seniman jalanan yang terdiri daripada penyanyi atau pemuzik, pelakon atau pelawak. Thompson (2014) memberikan definisi *busking* sebagai bermain muzik di jalanan. *Busking* juga dikaitkan dengan aktiviti membuat persembahan muzik di jalanan untuk mendapatkan sumbangan sukarela daripada mereka yang lalu lalang.

Aktiviti *busking* diamalkan di seluruh dunia dan dipelopori oleh semua kaum dan bangsa sama ada lelaki, perempuan, orang tua sehinggalah ke anak yang masih kecil. Menurut Simpson (2011), aktiviti *busking* terdiri daripada persembahan muzikal dan bukan muzikal. Majoriti aktiviti *busking* membabitkan persembahan muzik, namun tidak kurang juga persembahan bukan muzikal seperti pertunjukkan bakat melakukan akrobatik, teknik menjinakkan haiwan, belon berpusing, helah kad, karikatur, badut, komedi, liuk badan, silap mata, kemahiran menggunakan api, sarkas lambak, patung hidup, boneka, bercerita atau membaca puisi dan melukis. *Busking* mempunyai sejarah yang begitu panjang dan sangat pelbagai. Melalui penulisan Simpson (2011) mendokumentasikan bahawa sejarah menunjukkan masyarakat Roman akan membaling syiling kepada penghibur jalanan semasa dan selepas persembahan, yang seterusnya perkara itu menjadi konsep *busker* menerima 'tip' atau ganjaran pada zaman sekarang.

Di Malaysia, aktiviti *busking* juga mengalami situasi yang tidak jauh bezanya daripada negara luar. Menurut Meor (2019) dalam penulisannya menyatakan bahawa fungsi aktiviti *busking* di Malaysia masih sama iaitu sebagai medium mencari rezeki untuk *buskers*, hiburan orang awam dan sebagai tarikan kepada pelancong baik di luar mahupun di dalam negara. Dalam penulisan di portal rasmi Malay Mail, Meor (2014) menyatakan bahawa antara kayu ukur aktiviti *busking* di Malaysia terbukti diterima ramai adalah sejak Festival Buskers Langkawi 2013 yang telah berjaya mendapat sambutan lebih 3,000 pengunjung sepanjang acara berlangsung. Malah melalui acara itu, Kelab Penghibur Jalanan Malaysia (MYBC) turut diwujudkan dan didaftarkan untuk menggabungkan golongan penghibur jalanan bagi mengubah industri *busking* serta menaik taraf karier *busker* di negara ini. Menariknya, menerusi kelab berdaftar seperti ini, penghibur jalanan berpeluang mewakili Malaysia di pentas dunia seperti di World Art Games yang berlangsung di Croatia yang menampilkan 10 kumpulan yang terpilih iaitu Pokok Cheri Band, You And Me, Keychow-Keychow, KKSYPercussion, Alam Busker, The Retrogroovers, Ammal Bellamy & Co, Suwara, Nescoustic dan Genji Buskers. Penulisan ini merupakan bukti bahawa aktiviti *busking* di Malaysia berkembang dengan sangat positif dan diterima ramai sebagai satu aktiviti yang berfungsi memberi banyak manfaat dari aspek ekonomi, kebudayaan dan pelancongan. Oleh sebab pesatnya perkembangan aktiviti *busking* ini di Malaysia, perkara ini dilihat punyai potensi yang sangat besar dalam bidang pendidikan muzik terutamanya dalam usaha perkembangan kemahiran persembahan muzik secara khususnya.

Dalam usaha mengembangkan pendidikan muzik dalam aspek kemahiran persembahan muzik, program pengayaan dilihat sebagai kaedah yang paling sesuai bagi mengimplimentasikan aktiviti *busking* dalam pendidikan. Program pengayaan merupakan aktiviti tambahan kepada aktiviti asas pembelajaran yang mengandungi unsur untuk meluaskan pengetahuan dan pengalaman serta mengukuhkan kemahiran yang sedang dipelajari. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005, p. 693) mentakrifkan "pengayaan" sebagai "perihal (usaha, proses, dsb.) mengayakan, misalnya mengayakan atau meluaskan kosa kata." Pengayaan merupakan aktiviti tambahan kepada aktiviti asas pembelajaran yang dilakukan sama ada semasa sesi persekolahan atau di luar waktu persekolahan.

Pengayaan adalah aktiviti-aktiviti tambahan kepada aktiviti-aktiviti asas pembelajaran yang dijalankan sama ada di dalam atau di luar waktu pembelajaran formal. Aktiviti pengayaan memberi peluang kepada pelajar mengembangkan minat, daya kreativiti, sifat ingin tahu, sikap berdikari, bakat kepimpinan serta melibatkan diri dalam membuat satu keputusan untuk diri sendiri, kumpulan dan masyarakat.

Dalam konteks kajian ini, aktiviti pengayaan diberikan kepada pelajar Diploma Muzik selepas mereka berjaya menguasai kemahiran asas dalam menguasai instrumen di dalam kursus Aplikasi Muzik. Aktiviti pengayaan yang dimaksudkan ialah aktiviti membuat persembahan *busking* di Lorong Mural program Gerbang Seni Tanjung Malim. Hal ini kerana, program Gerbang Seni Tanjung Malim merupakan satu program yang memberi ruang kepada pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk membuat persembahan bebas tidak kira persembahan berbentuk muzikal mahupun bukan muzikal di sepanjang Lorong Mural, Tanjung Malim. Program ini berlangsung pada setiap hujung minggu bersempena dengan aktiviti jual beli barangan di pasar malam di sekitar pekan Tanjung Malim. Selain itu juga, program ini

menjadi peluang kepada pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris khususnya pelajar Diploma Muzik untuk menonjolkan bakat membuat persembahan muzik di khalayak ramai.

### **Kemahiran Persembahan Muzik**

Klickstein (2009) memberi definisi kemahiran persembahan muzik ialah seberapa bagus sesuatu nyanyian atau permainan alat muzik. Sebuah persembahan muzik itu dianggap sempurna apabila pemain muzik itu bermain dengan baik tanpa ada sebarang kecacatan sepanjang persembahan berlangsung. Oleh yang demikian, setiap pemuzik sentiasa berusaha meminimalkan kesalahan ketika melakukan persembahan. Dengan hal itu, setiap pemuzik mesti bersedia menyiapkan diri dengan segala pengetahuan untuk mengelak dari melakukan kecacatan ketika membuat persembahan. Menurut Klickstein (2009), kemahiran persembahan muzik merangkumi tiga fasa yang perlu diberi perhatian iaitu pertama merupakan fasa sebelum persembahan, kedua fasa semasa persembahan, dan ketiga fasa selepas persembahan. Ketiga-tiga fasa ini digariskan untuk membantu pemuzik menguasai selok belok pengetahuan tentang kemahiran persembahan muzik bagi memastikan sesebuah persembahan muzik itu dapat dipersembahkan dengan baik dan sempurna.

Antara kemahiran persembahan yang perlu diberi perhatian pada fasa sebelum persembahan ialah waktu latihan yang cukup. Seperti yang semua sedia maklum, latihan yang berkualiti menjadi perkara asas sesebuah persembahan dapat dipertontonkan dengan baik. Persembahan yang kurang baik kebiasaannya disebabkan oleh kurangnya waktu latihan individu mahupun berkumpulan. Oleh sebab itu, semakin banyak masa diperuntukkan untuk membuat latihan, semakin baik persembahan dapat dipertontonkan. Di samping itu juga, perkara yang seterusnya yang perlu diberi perhatian sebelum persembahan ialah pengurusan logistik (Klickstein, 2009). Sesetengah pemuzik selalu mengambil mudah soal logistik kerana mendakwa instrumen mereka bersifat *hand-carry* sehingga mereka lupa bahawa keperluan peralatan teknikal seperti pembesar suara, mikrofon dan peralatan lain adalah sama penting untuk membantu mereka terutamanya dalam soal kualiti bunyi. Oleh yang demikian, gagal mengurus dan merancang logistik untuk peralatan teknikal akan membawa keburukkan terhadap perancangan persembahan. Nickols (2011) dalam penulisannya menegaskan dan menyeru untuk individu mengurus persembahan dengan sendiri kerana tiada siapa yang akan menguruskannya kalau bukan individu itu sendiri.

Seterusnya, perkara yang perlu diambil perhatian pada fasa semasa persembahan ialah memberi persembahan yang terbaik kepada pebukaan ton setiap kali membuat pertunjukkan muzik. Hal ini dijelaskan Klickstein (2009) mengenai perkara yang perlu dilakukan semasa persembahan dalam usaha menguasai kemahiran persembahan muzik. Oleh yang demikian, pemuzik mahupun penyanyi perlu memberikan seratus peratus komitmen semasa persembahan jika mahukan persembahan yang sempurna. Hal ini juga menuntut pemuzik dan penyanyi untuk menjaga kesihatan seperti rehat dan tidur yang cukup serta menjaga diet pemakanan agar pemuzik mahupun penyanyi mampu memberi semaksimum mungkin ketika membuat persembahan.

Melalui penulisan Klickstein (2009), juga menjelaskan bahawa seorang pemuzik yang benar-benar menguasai kemahiran persembahan ialah mereka dapat membuat persembahan dengan baik walaupun dalam keadaan gemuruh. Hal ini merujuk kepada kekuatan dan kawalan mental yang juga merupakan kunci kepada keyakinan diri. Umum mengetahui bahawa setiap daripada pemuzik mahupun penyanyi mempunyai gemuruh pentas sama ada sedikit mahupun banyak. Pemuzik mahupun penyanyi yang dapat memberi persembahan yang sempurna walaupun diserang gemuruh pentas dianggap memiliki kemahiran persembahan yang baik. Oleh sebab itu, kekuatan dan kawalan mental sangat diperlukan dalam hal ini untuk mengawal gemuruh pentas sekali gus mengembangkan keyakinan diri.

Seterusnya, fasa ketiga iaitu fasa selepas persembahan yang perlu diberi perhatian ialah membuat penilaian sendiri berdasarkan persembahan yang telah dipertontonkan. Penilaian ini perlu dibuat bagi memastikan setiap kelemahan terhadap persembahan sebelumnya dapat diatasi dengan baik (Klickstein, 2009). Teknologi pada hari ini sangat membantu memudahkan pemuzik untuk menilai persembahan mereka dengan hanya menggunakan telefon pintar untuk merakam video persembahan dan seterusnya membuat penilaian terhadap apa yang mereka telah persembahkan. Penilaian yang berbentuk pengamatan dan pemerhatian akan membantu pemuzik untuk meneliti kelemahan yang dilakukan semasa membuat persembahan agar segala kekurangan dapat diperbaiki untuk persiapan persembahan yang seterusnya.

Jorgenson (2004) juga memberi pendapat bahawa pemuzik yang menguasai kemahiran persembahan adalah mereka yang memiliki strategi untuk mencapai tahap yang ingin dicapai. Hal ini juga jelas merujuk kepada perkara sebelum persembahan. Beliau berpendapat bahawa memiliki strategi yang

betul dalam usaha menjadi pemuzik yang bagus merupakan langkah bijak untuk mempersembahkan muzik yang baik. Strategi yang dimaksudkan adalah strategi rehearsing, strategi pengurusan masa dan strategi persembahan. Ketiga-tiga strategi ini masing-masing memiliki komponen strategi individu dan strategi berkumpulan. Jorgensen (2004) turut menegaskan bahawa strategi yang dikemukakan olehnya adalah garis pandu yang sangat penting bagi membantu pemuzik menguasai kemahiran persembahan sekali gus membantu pemuzik memberikan persembahan yang baik.

Selain daripada itu, Kostka (2002) pula berpandangan bahawa kemahiran persembahan muzik boleh dikategorikan kepada lima bahagian iaitu teknik permainan, muzikaliti, kemahiran membaca notasi, kemahiran menghafal dan penguasaan kualiti ton. Menurut beliau lagi bahawa seorang pemuzik yang baik perlu menguasai kelima-lima elemen ini dalam usaha menjadi pemuzik yang berjaya dalam apa jua jenis instrumen yang dipilih.

Creech et al. (2008) dalam penulisannya ada menyatakan bahawa faktor yang mendorong seorang pemuzik menjadi profesional ialah dapat menguasai dua aspek kemahiran persembahan muzik iaitu kemahiran bermain dan personaliti sebagai seorang pemuzik. Kemahiran bermain ini merujuk kepada penguasaan *multi-genre* dan *multi-style*, improvisasi, kreativiti dalam komposisi, pengetahuan tentang repertoire, stamina serta latihan individu dan kumpulan. Manakala personaliti yang perlu dibentuk sebagai usaha menjadi pemuzik yang profesional ialah perlu menguasai kemahiran komunikasi, ketabahan, keyakinan diri, ekspresi dan perlu punyai standard dan target tinggi. Hal ini memberi gambaran bahawa terdapat banyak hal yang menjadi keperluan dalam usaha untuk menguasai kemahiran persembahan muzik yang boleh dikategorikan kepada dua perkara menurut Creech et al. (2008).

Menurut Md Shah dan Saidon (2016) pula, mereka berpendapat bahawa kemahiran persembahan muzik boleh dikategorikan kepada dua perkara iaitu kemahiran muzikal dan kemahiran bukan muzikal. Kemahiran muzikal merujuk kepada kemahiran yang mempunyai unsur muzik seperti kemahiran bermain alat muzik, penguasaan teknik, kualiti ton, ekspresi dan lain-lain. Manakala kemahiran bukan muzikal pula merujuk kepada kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi interpersonal dan intrapersonal, kemahiran berkerja dalam pasukan dan sebagainya.

Penulisan-penulisan pakar tentang kemahiran persembahan menggambarkan ada persamaan yang dijelaskan berdasarkan definisi dan ciri-ciri kemahiran persembahan muzik. Aspek yang paling utama adalah perkara yang perlu dilakukan sebelum persembahan iaitu soal latihan dan rehearsing yang berkualiti. Namun begitu, penjelasan Creech et al. (2008) dan Klickstein (2009) tampak lebih lengkap kerana dilihat lebih menyeluruh dan seimbang dari aspek muzikal dan bukan muzikal. Oleh yang demikian, rangkuman gambaran kemahiran persembahan muzik yang dijelaskan oleh pakar-pakar boleh dirumuskan kepada lima perkara iaitu (a) pengurusan latihan; (b) pengurusan logistik; (c) kawalan mental; (d) penghayatan persembahan; dan (e) penilaian sendiri. Kesemua penulisan berkenaan kemahiran persembahan muzik merujuk kepada kemahiran persembahan muzik dalam ensembel yang bersaiz besar seperti ensembel orkestra, pancaragam dan lain-lain. Belum ada yang meninjau perkara berkenaan kemahiran persembahan dalam konteks ensembel *busking*. Oleh sebab itu, pengkaji memilih ensembel *busking* sebagai aktiviti untuk meninjau potensi ensembel ini sebagai aktiviti pengayaan bagi mengembangkan kemahiran persembahan muzik.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana kaedah mengumpul data adalah melalui pemerhatian (sebelum, semasa dan selepas), temu bual pra dan pasca-*busking*, temu bual kumpulan fokus serta nota lapangan. Menurut Othman Lebar (2014), penyelidikan kualitatif dilakukan secara semula jadi dan penyelidik merupakan instrumen utama dalam pengumpulan data seperti melalui perkataan atau gambar. Data dianalisis secara induktif, yang memberi fokus kepada makna yang dibuat oleh subjek kajian dan dijelaskan dalam bentuk bahasa yang ekspresif dan menarik.

Kajian ini melibatkan empat orang subjek iaitu pelajar Diploma Muzik yang sedang menduduki Kursus Aplikasi Muzik. Kriteria pemilihan subjek kajian ini ialah mereka yang masih menduduki Kursus Aplikasi Muzik sama ada Aplikasi Muzik 1, Aplikasi Muzik 2, Aplikasi Muzik 3 atau Aplikasi Muzik 4. Berdasarkan prosedur kajian ini, setiap subjek perlu melibatkan diri dalam tiga kali sesi persembahan *busking* yang dilakukan di program Gerbang Seni, Lorong Mural Tanjung Malim. Subjek yang terdiri daripada pelajar Kursus Aplikasi Muzik dipilih bertujuan untuk meninjau sejauh mana aktiviti pengayaan seperti *busking* ini dapat mengembangkan lagi kemahiran asas yang dipelajari di dalam kursus tersebut.

Proses pemerhatian (sebelum, semasa dan selepas) serta temu bual pra dan pasca-*busking* dijalankan kepada subjek bagi mendapatkan penjelasan tentang kemahiran persembahan muzik yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti *busking*. Dalam konteks kajian ini, satu cara pemerhatian adalah penyelidik bertindak sebagai pemerhati tidak mengambil bahagian (*non participant observer*) dalam situasi aktiviti *busking* sebenar yang dijalankan oleh subjek kajian. Penyelidik juga bertindak sebagai pemerhati bermula daripada sebelum, semasa dan selepas aktiviti *busking*.

Seterusnya, proses temu bual dilaksanakan mengikut dua fasa iaitu fasa temu bual pra-*busking* iaitu fasa sebelum menjalankan *busking* dan fasa temu bual pasca-*busking* iaitu fasa selepas menjalankan *busking*. Temu bual pra-*busking* dibuat pada setiap aktiviti *busking* di kawasan persembahan. Temu bual pra-*busking* dilakukan secara bersemuka antara penyelidik dengan subjek kajian. Berdasarkan temu bual, penyelidik dapat mendalami tentang keadaan sebenar bagaimana subjek kajian membuat persediaan persembahan *busking*. Data temu bual dikumpulkan dengan menggunakan perakam audio. Temu bual pasca-*busking* pula dibuat setelah persembahan selesai dilaksanakan oleh subjek kajian, dimana ianya dilaksanakan secara bersemuka. Temu bual akan dilaksanakan secara tidak formal. Hal ini membolehkan penyelidik memasuki dunia dalaman (*inner world*) subjek dan mencuba memahami sesuatu maklumat dan perspektif subjek itu sendiri.

Selain itu juga, empat orang informan juga terlibat dalam kajian ini yang merupakan tenaga pengajar Kursus Aplikasi Muzik. Temubual kumpulan fokus dijalankan kepada para informan bagi tujuan triangulasi dapatan dan mendapatkan kesahan tentang kemahiran persembahan muzik yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti *busking*.

Bagi merekodkan tentang apa yang diperhatikan atau yang didengar, penyelidik juga menggunakan nota lapangan semasa kajian dilaksanakan. Melalui nota lapangan, penyelidik dapat mengumpul data yang mengandungi reaksi secara langsung termasuklah tentang apa yang penyelidik alami dan fikirkan semasa membuat pemerhatian atau temu bual. Nota lapangan mengandungi aspek deskriptif iaitu maklumat yang didengar dan dilihat manakala reflektif iaitu maklumat daripada pemikiran atau idea pengkaji tentang sesuatu deskripsi, bagi sesuatu data.

## Dapatan

Analisis data melalui pemerhatian (sebelum, semasa dan selepas), temu bual pra dan pasca-*busking* serta temu bual kumpulan fokus mendapati bahawa aktiviti *busking* banyak membantu memperkembangkan kemahiran persembahan muzik dari aspek muzikal dan bukan muzikal. Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3 menunjukkan senarai kemahiran persembahan muzik yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti *busking* melalui proses pemerhatian (sebelum, semasa dan selepas), temu bual pra dan pasca-*busking* serta temu bual kumpulan fokus.

*Jadual 1: Kemahiran muzikal dan kemahiran bukan muzikal yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti busking berdasarkan proses pemerhatian*

Subjek	Kemahiran Muzikal	Kemahiran Bukan Muzikal
Subjek 1	Penguasaan ton	Pengurusan persembahan Komited Kerjasama Bertanggung jawab Amanah Komunikasi Keyakinan diri Pengurusan logistik Keyakinan diri
Subjek 2	Kemahiran <i>by-heart</i>	Pengurusan peralatan persembahan Kerjasama Berani Keyakinan diri Bertanggungjawab

Subjek 3	Adaptasi terhadap lagu	Patuh arahan Kerjasama Disiplin Bertanggungjawab
Subjek 4	Penguasaan stail nyanyian	Pengurusan peralatan persembahan Teliti Berani Komunikasi Kreatif

Jadual 2: Kemahiran muzikal dan kemahiran bukan muzikal yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti *busking* berdasarkan proses temubual subjek

Subjek	Kemahiran Muzikal	Kemahiran Bukan Muzikal
Subjek 1	Kemahiran bermain Kualiti ton Ekspresi	Disiplin masa Komitmen Kerjasama Peka dan cakna Bertanggungjawab Pengurusan persembahan (peralatan/tempat) Pengurusan logistik Komunikasi Keyakinan diri
Subjek 2	Penguasaan genre lagu Penguasaan stail lagu Kreativiti Kemahiran bermain mengikut hati ( <i>by-heart</i> ) Improvisasi	Pengurusan persembahan (peralatan/tempat) Pengurusan latihan Komitmen Bertanggungjawab Membina karakter Keyakinan diri
Subjek 3	Kemahiran bermain Kualiti Ton Kemahiran bermain mengikut hati ( <i>by-heart</i> ) Adaptasi lagu	Sikap patuh Kerjasama Bertanggung jawab Pengurusan peralatan persembahan Bertanggungjawab Keyakinan diri
Subjek 4	Teknik Nyanyian Penguasaan stail Penguasaan genre	Kerjasama Kesepakatan Pengurusan persembahan (peralatan/tempat) Pengurusan latihan Keyakinan diri Cakna dan peka Komunikasi

Jadual 3: Kemahiran muzikal dan kemahiran bukan muzikal yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti *busking* berdasarkan proses temubual kumpulan fokus informan.

Informan	Kemahiran Muzikal	Kemahiran Bukan Muzikal
Informan 1	Kualiti ton Adaptasi lagu Kemahiran bermain	Pengurusan latihan Pengurusan tempat Pengurusan peralatan

Informan 2	Ekspresi Interpretasi Adaptasi	Komunikasi interpersonal Komunikasi intrapersonal Kawalan mental
Informan 3	Kreativiti gubahan muzik Penguasaan stail Penguasaan genre Adaptasi	Membentuk pesona diri Berdisiplin Berani
Informan 4	Teknik Nyanyian Penguasaan diksi Penguasaan artikulasi	Keyakinan diri Komunikasi Kemahiran mengawal penonton

### Perbincangan dan Rumusan

Rumusan daripada analisis data melalui pemerhatian (sebelum, semasa dan selepas), temu bual pra dan pasca-*busking* serta temu bual kumpulan fokus mendapati bahawa aktiviti *busking* banyak membantu memperkembangkan kemahiran persembahan muzik dari aspek muzikal dan bukan muzikal. Jadual 4 menunjukkan senarai kemahiran persembahan muzik yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti *busking*.

Jadual 4: Kemahiran muzikal dan kemahiran bukan muzikal yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti *busking*

Kemahiran Muzikal	Kemahiran Bukan muzikal
Kemahiran bermain	Pengurusan persembahan
Penguasaan kualiti ton	Komunikasi
Penguasaan genre lagu	Persona diri
Penguasaan stail lagu	Kerjasama
Ekspresi	Kawalan mental
Kreativiti	
Adaptasi	
Interpretasi	

Kemahiran persembahan muzik dalam aspek muzikal yang pertama yang dapat diperkembang ialah kemahiran bermain. Majoriti subjek dan informan bersetuju dengan perkara ini kerana aktiviti *busking* merupakan aktiviti yang memerlukan mereka untuk sentiasa membuat persembahan secara berterusan. Hal ini secara tidak langsung akan memperkembang kemahiran permainan pada instrumen ataupun nyanyian kerana kuantiti masa yang diperuntukkan untuk membuat latihan akan bertambah, sesuai dengan jadual persembahan *busking* yang perlu dipenuhi. Perkara ini dilihat selari dengan kenyataan Klickstein (2009), bahawa kemahiran persembahan muzik adalah seberapa bagus kemahiran permainan instrumen yang dipersembahkan. Tambah beliau lagi, naluri pemuzik yang tajam juga merupakan ciri-ciri pemuzik yang memiliki kemahiran persembahan muzik yang baik. Oleh sebab itu, kemahiran bermain boleh dirumuskan sebagai elemen yang penting dalam kemahiran persembahan muzik dari aspek muzikal.

Seterusnya, penguasaan kualiti ton atau kemahiran menguasai kualiti ton merupakan kemahiran yang kedua yang dapat diperkembang melalui aktiviti *busking*. Perkara ini dijelaskan oleh informan dan dibuktikan oleh subjek dimana proses beradaptasi terhadap suasana persembahan samaada *indoor* mahupun *outdoor* mendorong pemuzik untuk berupaya menyesuaikan ton permainan mengikut kesesuaian tempat persembahan. Kostka (2002) menyatakan bahawa antara elemen penting dalam usaha menjadi pemuzik yang baik adalah menguasai kualiti ton pada instrumen. Menurut beliau lagi, kualiti ton ini dipengaruhi oleh kualiti masa yang diperuntukkan untuk membuat latihan dan membuat persembahan. Oleh sebab itu, penguasaan ton merupakan kemahiran persembahan muzik yang dilihat selari dengan dapatan kajian dan kenyataan Kostka (2002).

Selain itu, kemahiran menguasai genre lagu merupakan kemahiran muzikal yang ketiga yang dapat diperkembang melalui aktiviti *busking*. Hal ini kerana persembahan *busking* menuntut pemuzik untuk membuat persembahan dengan pelbagai genre lagu bukan sekadar genre lagu yang mereka gemari sahaja. Creech et al. (2008) menyatakan bahawa dalam usaha menjadi seorang pemuzik yang professional, individu



tersebut harus memiliki pengetahuan dan kemahiran bermain muzik yang dalam terhadap sesuatu genre lagu. Dalam lain perkataan, pemuzik yang menguasai kemahiran persembahan muzik yang baik merupakan seorang pemuzik yang versatil dan serba boleh dari segi pengetahuan mahupun kemahiran dalam memainkan pelbagai jenis genre lagu. Oleh kerana itu, kemahiran terhadap penguasaan genre lagu ini dilihat selari dan bertepatan dengan dapatan dan kenyataan daripada Creech et al. (2008).

Seterusnya, kemahiran menguasai stail juga dapat diperkembang melalui aktiviti *busking*. Hal ini kerana, pemuzik *busking* perlu mempunyai kemampuan untuk bermain bermacam jenis stail lagu agar persembahan menjadi menarik dan tidak bersifat mendarat. Kemahiran muzikal yang seterusnya yang dapat dikembangkan melalui aktiviti *busking* ialah kemahiran bermain dengan ekspresi yang betul mengikut kesesuaian dinamik dan mud sesebuah lagu. Perkara ini dilihat seiring dengan kenyataan yang dikemukakan Creech et al. (2008), bahawa kemahiran menguasai stail yang pelbagai merupakan kemahiran yang perlu dimiliki dalam usaha menjadi pemuzik yang professional. Tambah beliau lagi, kemahiran menguasai stail lagu yang pelbagai atau *multi-style* ini merupakan ciri pemuzik yang mampu bersaing di peringkat professional bagi individu yang memilih muzik sebagai kerjaya sepenuh masa.

Seterusnya, aktiviti *busking* juga dapat mengembangkan kemahiran persembahan muzik dari aspek kreativiti dalam membuat improvisasi dan kreativiti dalam mengayakan persembahan. Kemahiran muzikal terhadap aspek kreativiti dalam membuat improvisasi boleh dilihat dalam gubahan muzik dan kreativiti dalam membuat improvisasi solo. Creech et al. (2008) menyatakan bahawa kreativiti merupakan aspek personaliti yang penting untuk dikuasai sebagai usaha menjadi pemuzik yang menguasai kemahiran persembahan. Kreativiti yang beliau maksudkan adalah daya kreatif dalam membuat sesuatu susunan, gubahan mahupun improvisasi muzik yang sesuai dengan persembahan. Perkara ini juga dilihat seiring dengan dapatan terhadap kajian yang menyatakan bahawa elemen kreativiti merupakan kemahiran persembahan yang dapat diperkembangkan.

Kemahiran beradaptasi merupakan kemahiran muzikal seterusnya yang dapat dikembangkan melalui aktiviti *busking*. Dalam konteks kemahiran adaptasi ini boleh dilihat dari sudut kemahiran beradaptasi dengan lagu-lagu baru dan adaptasi terhadap suasana persembahan melibatkan pemuzik serta penonton. Pemuzik *busking* perlu cepat beradaptasi dengan lagu-lagu baharu agar perjalanan persembahan tidak terganggu. Selain itu juga, aktiviti *busking* dilihat mampu menjadi platform persediaan bagi pemuzik untuk menyesuaikan diri dalam keadaan persembahan yang lebih besar di masa hadapan seperti konsert dan sebagainya. Hal ini kerana mereka sudah dilatih dan terdedah dengan membuat persembahan di jalanan. Sementara itu, kemahiran adaptasi ini dilihat sebagai sesuatu dapatan yang baharu yang menyumbang kepada kemahiran persembahan muzik dari aspek muzikal kerana tiada dinyatakan oleh mana-mana penulisan sebelum ini.

Antara kemahiran persembahan muzik dari aspek bukan muzikal yang dapat diperkembang melalui aktiviti *busking* ialah kemahiran pengurusan persembahan merangkumi pengurusan peralatan, pengurusan logistik, pengurusan tempat dan pengurusan jadual latihan. Perkembangan kemahiran pengurusan peralatan dapat dilihat bermula dari sebelum sehingga aktiviti *busking* selesai. Dalam konteks kemahiran pengurusan peralatan, para pemuzik perlu mahir tentang selok-belok pengurusan peralatan bermula dari cara pemasangan, penggunaan sehingga penyimpanan PA System atau alat pembesar suara. Dari aspek pengurusan logistik pula, pemuzik perlu peka terhadap kelancaran penghantaran pergi dan pulang setiap peralatan ke tempat persembahan. Hal ini sangat penting agar setiap peralatan itu berada dalam keadaan selamat daripada sebarang kerosakan. Seterusnya dari aspek kemahiran pengurusan tempat pula dapat dilihat apabila pemuzik perlu memastikan kebenaran untuk membuat persembahan *busking* di sesuatu tempat dimohon seawal mungkin daripada badan berwajib untuk mengelak sebarang kekacauan ketika persembahan berlangsung. Selain itu juga, kemahiran pengurusan persembahan dari aspek pengurusan jadual latihan juga dapat diperkembang melalui aktiviti *busking*. Sebagai contoh, pemuzik perlu mengurus masa dengan betul untuk memastikan latihan dapat berjalan dengan efisien sebelum tiba hari persembahan *busking*. Kemahiran terhadap pengurusan persembahan ini telah dinyatakan oleh Klickstein (2009) dalam penulisannya yang menyatakan bahawa kemahiran persembahan muzik itu merangkumi kemahiran pengurusan sebelum, semasa dan selepas persembahan. Dalam hal ini, kemahiran persembahan yang dimaksudkan ialah kemahiran pengurusan sebelum persembahan. Menurut Klickstein (2009), beliau menyatakan bahawa kemahiran yang perlu diberi perhatian sebelum persembahan ialah kemahiran mengurus jadual latihan dan kemahiran mengurus logistik. Hal ini dilihat bertepatan dengan dapatan kajian dan penulisan Klickstein (2009) yang menyatakan bahawa kemahiran pengurusan persembahan merupakan kemahiran bukan muzikal yang dapat diperkembangkan.

Seterusnya, kemahiran bukan muzikal yang seterusnya yang dapat diperkembang melalui aktiviti *busking* ialah kemahiran komunikasi. Kemahiran komunikasi ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu kemahiran komunikasi intrapersonal dan kemahiran komunikasi interpersonal. Kemahiran komunikasi intrapersonal merujuk kepada komunikasi yang berlaku dalam diri seseorang pemuzik sebagai contoh seperti berfikir untuk membuat pilihan lagu, keputusan pilihan, memberikan sebab serta akibat. Kemahiran komunikasi interpersonal pula adalah kemahiran komunikasi antara pemuzik dengan pemuzik yang lain dimana proses komunikasi melibatkan dua orang atau lebih. Di samping itu juga komunikasi dari aspek pengucapan awam juga dapat diperkembang oleh pemuzik terutamanya penyanyi kerana penyanyi selalu diberi tanggung jawab untuk mengawal penonton melalui ucapan ketika selingan antara lagu-lagu ketika membuat persembahan. Creech et al. (2008) dalam penulisannya ada menyebut bahawa kemahiran komunikasi merupakan kemahiran yang perlu diberi keutamaan dalam usaha untuk menjadi pemuzik yang menguasai kemahiran persembahan muzik. Elemen ini merupakan ciri-ciri personaliti yang perlu pemuzik miliki dan merupakan jambatan dalam membantu pemuzik untuk memudahkan mereka bekerja dengan sesiapa sahaja tidak kira apa jua latar belakang pemuzik. Komunikasi yang baik akan membantu membentuk hubungan yang baik antara pemuzik dan pemuzik yang lain (Creech et al., 2008).

Kemahiran persembahan muzik dari aspek bukan muzikal yang seterusnya ialah pembentukan persona diri. Persona diri yang dimaksudkan ialah berani dan berkeyakinan, berdisiplin, peka serta cakna. Persona diri berkaitan berani dapat dilihat dalam konteks berani mencuba pelbagai stail dan genre lagu yang dipersembahkan manakala berkeyakinan pula dapat dilihat apabila pemuzik mampu memenuhi permintaan lagu-lagu daripada penonton dengan yakin walaupun lagu yang diminta itu luar daripada repertoire yang pernah mereka mainkan. Selain itu, aktiviti *busking* ini juga mampu membentuk persona diri dari aspek disiplin. Disiplin yang di maksudkan merangkumi disiplin masa serta disiplin dalam membuat latihan individu mahupun kumpulan. Di samping itu juga, aktiviti *busking* juga mampu membentuk persona diri pemuzik menjadi lebih peka dan cakna dari pelbagai sudut. Sebagai contoh, pemuzik perlu peka terhadap tanggung jawab masing-masing serta cakna terhadap tugas pemuzik lain agar segala yang telah dirancang berjalan dengan baik bermula dari awal, pertengahan sehingga ke hujung persembahan. Menurut Creech et al. (2008) menyatakan bahawa kemahiran persembahan muzik ini merangkumi dua perkara iaitu kemahiran bermain dan pembentukan personaliti. Dalam konteks pembentukan personaliti dapat dihubungkan dengan elemen persona diri yang dapat dikembangkan melalui aktiviti *busking*. Antara faktor yang membantu pemuzik menguasai kemahiran persembahan ialah mempunyai personaliti yang baik seperti berani, berkeyakinan serta berdisiplin (Creech et al., 2008). Hal ini dilihat selari dengan dapatan kajian dan penulisan yang menyatakan bahawa persona diri atau personaliti merupakan kemahiran persembahan muzik bukan muzikal yang dapat dikembangkan.

Kemahiran persembahan muzik dari aspek bukan muzikal seterusnya ialah kemahiran mengawal mental lebih-lebih lagi ketika persembahan *busking* dijalankan. Hal ini disebut oleh informan kedua dan keempat yang menyatakan bahawa pemuzik *busking* selalu berhadapan dengan permintaan lagu dari penonton yang kadang-kadang luar daripada repertoire atau koleksi lagu yang telah dirancang. Oleh sebab itu, kawalan mental yang betul harus dipraktikkan semasa sesi persembahan agar pemuzik kelihatan selesa dan berkeyakinan semasa berhadapan dengan penonton. Pemuzik juga perlu bijak menyerap sebarang tekanan apabila berlaku sesuatu yang tidak diinginkan semasa persembahan berlangsung. Dalam penulisan Klickstein (2009) menyatakan bahawa kawalan mental merupakan elemen yang penting dalam kemahiran persembahan muzik. Tambah beliau lagi pemuzik yang mampu membuat persembahan yang baik walaupun dalam keadaan tekanan merupakan pemuzik yang telah menguasai salah satu daripada kemahiran persembahan muzik.

Kemahiran persembahan muzik dari aspek bukan muzikal berikutnya yang dapat dikembangkan ialah kemahiran bekerjasama atau kemahiran bekerja sebagai satu pasukan. Umum mengetahui bahawa setiap pasukan ensemble muzik tidak kira saiz kecil mahupun besar menuntut untuk bekerja sebagai satu pasukan dari semua aspek termasuklah dalam merancang, membuat keputusan, membuat latihan dan sebagainya. Begitu juga dengan *busking*, aktiviti ini sangat memerlukan untuk setiap pemuzik saling membantu dan bekerjasama dalam menggalas tugas bermula dari awal, pertengahan hingga ke hujung persembahan. Kemahiran bekerja sebagai satu pasukan atau kemahiran bekerjasama ini merupakan kunci penting bagi sebuah kumpulan *buskers* agar persembahan dapat dipersembahkan mengikut apa yang telah dirancang. Md Shah dan Saidon (2016) dalam penulisan mereka telah berkongsi bahawa kemahiran bukan muzikal merangkumi kemahiran semangat kerja berpasukan atau semangat kerjasama. Perkara ini dilihat sejajar dengan dapatan dalam kajian dimana sikap kerjasama merupakan kemahiran bukan muzikal yang dapat dicapai melalui aktiviti dalam ensemble muzik.

Kemahiran persembahan muzik dari aspek bukan muzikal pula yang dapat diperkembang melalui aktiviti *busking* ialah kemahiran pengurusan persembahan merangkumi pengurusan peralatan, pengurusan logistik, pengurusan tempat dan pengurusan jadual latihan. Perkembangan kemahiran pengurusan peralatan dapat dilihat bermula dari sebelum sehingga aktiviti *busking* selesai. Seterusnya, kemahiran bukan muzikal yang berikutnya yang dapat diperkembang melalui aktiviti *busking* ialah kemahiran komunikasi. Kemahiran komunikasi ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu kemahiran komunikasi intrapersonal dan kemahiran komunikasi interpersonal. Kemahiran komunikasi intrapersonal merujuk kepada komunikasi yang berlaku dalam diri seseorang pemuzik manakala kemahiran komunikasi interpersonal pula adalah kemahiran komunikasi antara pemuzik dengan pemuzik yang lain dimana proses komunikasi melibatkan dua orang atau lebih. Kemahiran persembahan muzik dari aspek bukan muzikal yang dapat diperkembangkan melalui *busking* yang seterusnya ialah pembentukan persona diri. Persona diri yang dimaksudkan ialah berani dan berkeyakinan, berdisiplin, peka serta cakna. Kemahiran persembahan muzik dari aspek bukan muzikal seterusnya yang dapat diperkembang melalui aktiviti *busking* ialah kemahiran mengawal mental lebih-lebih lagi ketika persembahan *busking* dijalankan. Hal ini disebut oleh informan yang menyatakan bahawa pemuzik *busking* selalu berhadapan dengan permintaan lagu dari pabukan ton yang kadang-kadang luar daripada repertoire atau koleksi lagu yang telah dirancang. Selain itu juga, kemahiran persembahan muzik dari aspek bukan muzikal berikutnya yang dapat dikembangkan ialah kemahiran bekerjasama atau kemahiran bekerja sebagai satu pasukan. Umum mengetahui bahawa setiap pasukan ensemble muzik tidak kira bersaiz kecil mahupun besar menuntut untuk bekerja sebagai satu pasukan dari semua aspek termasuklah dalam merancang, membuat keputusan, membuat latihan dan sebagainya.

### Kesimpulan

Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, didapati bahawa aktiviti *busking* dapat mengembangkan kemahiran persembahan muzik dari aspek muzikal dan bukan muzikal. Kemahiran persembahan muzik dalam aspek muzikal yang dapat diperkembangkan ialah kemahiran bermain, penguasaan kualiti ton, penguasaan genre lagu, penguasaan stail lagu, ekspresi, kreativiti, adaptasi dan interpretasi. Manakala perkembangan kemahiran persembahan muzik dari aspek bukan muzikal pula ialah pengurusan persembahan, komunikasi, persona diri, kerjasama dan kawalan mental.

### Rujukan

- Baker, E. D., Hope, L., & Karandjeff, K. (2009). *Contextualized teaching & learning: A faculty primer. A review of literature and faculty practices with implications for California community college practitioners*. Academic Senate for California Community Colleges.
- Creech, A., Papageorgi, I., Duffy, C., Morton, F., Haddon, E., Potter, J., & Welch, G. (2008). From music student to professional: The process of transition. *British Journal of Music Education*, 25(3), 315-331.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi keempat). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Garnett, J. (2013). Beyond a constructivist curriculum: A critique of competing paradigms in music education. *British Journal of Music Education*, 30(2), 161-175.
- Gordon, S. (2005). *Mastering the art of performance: A primer for musicians*. Oxford University Press.
- Jorgenson, H. (2004). Strategies for individual practice. In A. Williamon (Ed.), *Musical excellence: Strategies and techniques to enhance performance*. Oxford University Press.
- Kelly, S. N. (2015). *Teaching music in American society: A social and cultural understanding of music education*. Routledge.
- Klickstein, G. (2009). *The musician's way: A guide to practice, performance, and wellness*. Oxford University Press.
- Kostka, M. J. (2002). Practice expectations and attitudes: A survey of college-level music teachers and students. *Journal of Research in Music Education*, 50(2), 145-154.
- Md Shah, S., & Saidon, Z. L. (2016). Malaysian high school students' perceived musical and non musical benefits of participating in marching band competitions. In F. David & G. Louise (Eds.), *International Society for Music Education 32<sup>nd</sup> World Conference on Music Education*, (pp. 199-206). International Society for Music Education.
- Meor, A. Y. (2014, September 7). *Langkawi buskers festival 2014 datang lagi*. Malay Mail. <https://www.malaymail.com/news/opinion/2014/09/07/langkawi-buskers-festival-2014-datang-lagi/741439>
- Meor, A. Y. (2019, July 27). *Sejarah budaya busking di Malaysia*. The Citymaker. <https://thecitymaker.com.my/sejarah-budaya-busking-di-malaysia/>
- Nickols, F. (2011). Manage your own performance: No one else can. *Performance Improvement*, 50(2), 31-35. <https://doi.org/10.1002/pfi.20198>

- Lebar, O. (2014). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ramnarine, T. K. (2013). *Musical performance in the diaspora*. Routledge.
- Simpson, P. (2011). Street performance and the city: Public space, sociality, and intervening in the everyday. *Space and Culture*, 14(4), 415–430.
- Thomas, J. P., Carr, B. A., & Foss, L. (2011, August 8). Musical performance. Encyclopedia Britannica. <https://www.britannica.com/art/musical-performance>
- Thompson, W. F. (Ed.). (2014). *Music in the social and behavioural sciences: An encyclopaedia*. SAGE Publications.